

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang Akademik 1992/93
Jun 1993

PDP 482 - Asas Pendidikan Jasmani dan Kaunseling

Masa : (3 jam)

ARAHAN

Kertas soalan ini mengandungi DUA bahagian. Bahagian A - Pendidikan Jasmani [50 markah] dan Bahagian B - Bimbingan dan Kaunseling [50 markah].

BAHAGIAN A: [Pendidikan Jasmani]

Bahagian A mengandungi TIGA (3) soalan berbentuk esei. Jawab Soalan No.1 yang diwajibkan dan mana-mana SATU soalan lain.

BAHAGIAN B: [Bimbingan dan Kaunseling]

Bahagian B mengandungi EMPAT (4) soalan berbentuk esei. Jawab Soalan No. 4 yang diwajibkan serta pilih dan jawab mana-mana DUA soalan lain.

...2/-

Bahagian A: Pendidikan Jasmani [50 markah]

Arahan:

Jawab Soalan No.1 dan SATU soalan lain.

Soalan WAJIB

1. (a) Jelaskan maksud kecergasan.
- (b) Buat kiraan zon latihan aerobik yang sesuai untuk seorang murid yang berumur 15 tahun yang mempunyai nadi rehat berjumlah 70 denyutan seminit.

(25 markah)

Pilih SATU soalan

2. Perkembangan menyeluruh di kalangan pelajar-pelajar hendaklah dititikberatkan. Nyatakan sumbangan Pendidikan Jasmani terhadap perkembangan aspek-aspek berikut:
 - i) Aspek Fizikal
 - ii) Aspek Kognitif
 - iii) Aspek Afektif

(25 markah)

ATAU

3. Program Pendidikan Jasmani dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah sedang menghadapi berbagai masalah. Bincangkan.

(25 markah)

Bahagian B: Kaunseling (50 markah)

Arahan:

Jawab Soalan No.4 yang diwajibkan dan DUA soalan lain.

Soalan WAJIB

4. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan

- (i) Bimbingan
- (ii) Kaunseling
- (iii) Psikoterapi

(b) Huraikan tugas-tugas utama seorang guru bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah.

(20 markah)

Pilih DUA soalan

5. Huraikan teknik-teknik yang digunakan oleh seorang kaunselor semasa menggunakan pendekatan kaunseling Gestalt.

(15 markah)

6. Terangkan kemahiran-kemahiran di bawah dan beri satu contoh dalam bentuk dialog bagi setiap kemahiran untuk menunjukkan anda tahu menggunakan kemahiran itu.

- (a) memberi maklumat
- (b) mentafsir
- (c) menyelesaikan masalah
- (d) mengkonfrantasi

(15 markah)

7. (a) Anda dikehendaki menjalankan satu sesi kaunseling dengan seorang pelajar yang bermasalah.

Terangkan proses kaunseling yang anda akan ikuti dalam sesi kaunseling.

(b) Terangkan tingkah laku-tingkah laku kaunselor yang tidak beretika.

(15 markah)